

05/11/1997

Ketua negara G-15 berehat di Melaka

MELAKA, Selasa - Ketua-ketua negara Kumpulan 15 Negara membangun (G-15) hari ini mengadakan perbincangan sambil berehat kira-kira tiga jam di Riviera Bay Resort, Tanjong Kling, dekat sini hari ini.

Walaupun Melaka diseliputi jerebu acara perbincangan sambil berehat ketua-ketua negara berkenaan tidak terjejas.

Perbincangan tidak rasmi itu, yang menjadi tradisi sidang kemuncak, bertujuan membolehkan mereka menyatakan pandangan secara bebas dan terbuka mengenai masa depan kumpulan itu tanpa pegawai dan penasihat, selain mengeratkan hubungan antara mereka.

Mereka juga difahamkan merumus dan meluluskan draf cadangan Perisytiharan Bersama yang akan dikeluarkan pada hari terakhir sidang kemuncak itu esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi G-15 tiba dahulu di hotel peranginan itu untuk menyambut ketua-ketua negara yang tiba dengan dua bas kira-kira jam 10.20 pagi.

(END)